

AKHBAR : BERITA HARIAN
 MUKA SURAT : 9
 RUANGAN : ISU

KEMATIAN ORANG ASLI KUALA KOH

Tumpu nutrisi zat makanan, imunisasi

• Kementerian Pendidikan, Kesihatan, JAKOA bekerjasama tingkat kesihatan kanak-kanak

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim dan Balqis Jazimah Zahari
 bhnews@bh.com.my

Ipoh

Kementerian Kesihatan (KKM) akan bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) bagi memastikan Orang Asli khususnya kanak-kanak memperoleh nutrisi zat makanan yang secukupnya.

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye, berkata selain tahap imunisasi yang rendah, kekurangan nutrisi antara faktor penyebab penularan 'measles' atau demam campak dalam kalangan Orang Asli suku Batek di Kuala Koh, Gua Musang, Kelantan.

"Faktor itu juga memberi risiko yang tinggi kepada individu yang sedang dijangkiti wabah itu. Oleh itu, perhatian khusus perlu diberikan melalui pelaksanaan program pemakanan (terutama di sekolah) yang dibekalkan kepada mereka."

"Jadi ini satu perkara yang harus kita beri perhatian melalui program pemakanan yang dibekalkan untuk kanak-kanak dan juga makanan pelajar yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Pembukaan Program Perkongsian Amanal Terbaik Sekolah Kebangsaan (SK) Pos Raya dan SK Seri Tanjong di pekarangan SK Pos Raya, Kampung Kepayang di sini, semalam.

Sementara itu di Kota Bharu, Pengarah Kesihatan negeri, Dr Zai-

ni Hussin, berkata pemeriksaan kesihatan diadakan setiap bulan di Kuala Koh melalui Pasukan Bergerak Orang Asli (PBOA), Klinik Kesihatan Aring, Gua Musang.

PBOA lawat sekali sebulan

Katanya, PBOA akan ke perkampungan itu sekali sebulan membabitkan seorang pegawai perubatan, pembantu pegawai perubatan, jururawat masyarakat dan seorang pemandu, untuk memerlukan perkhidmatan dari pagi hingga petang.

Beliau berkata, perkhidmatan disediakan ialah pesakit luar serta kesihatan ibu dan anak, selain suntikan vaksin yang diberi mengikut jadual ditetapkan.

Dalam pada itu, Ketua Pengarah JAKOA, Prof Dr Juli Edo, pula ber-


kata pihak berkaitan yang terbabit dengan kajian serta pengambilan sampel di Kuala Koh susulan kematiian 15 Orang Asli suku Batek, perlu memberi penjelasan lanjut bagi memuaskan hati penduduk.

Katanya, hingga kini penduduk Orang Asli di Kuala Koh masih tidak berpuas hati dengan hasil laporan mengatakan sungai yang digunakan penduduk di kawasan itu tidak tercemar. Sampel diambil sebulan selepas kejadian dilaporkan berlaku menyebabkan kebanyakan mereka tidak berpuas hati.

"Justeru, pihak yang berkaitan seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Kimia supaya turun padang memberi penjelasan kepada penduduk supaya isu berkenaan tidak lagi dibangkitkan," katanya ketika dihubungi.



Keratan akbar
 BH 13 Jun lalu.



AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NEGARA

29 mangsa terima rawatan akibat pencemaran udara di Pasir Gudang

KUALA LUMPUR – Seramai 29 individu di sekitar Pasir Gudang yang mengalami gejala sesak nafas masih mendapatkan rawatan di Hospital Sultan Ismail (HSI), Johor Bahru sejak petang kelmarin sehingga pagi semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah itu, 16 mangsa adalah dari Sekolah Rendah Agama Taman Mawar iaitu 14 murid

dan dua orang dewasa manakala 13 orang lagi dari Sekolah Kebangsaan Pasir Gudang 4.

“Seramai 14 mangsa telah dirawat sebagai pesakit luar dan 15 mangsa diberi rawatan di HSI dengan enam daripadanya dimasukkan ke wad. Keadaan kesemua pesakit adalah stabil. Tiada kes dimasukkan ke unit rawatan rapi (ICU) dan tiada kematian dicatat.

“Jabatan Kesihatan Negeri Johor masih melakukan peman-

tauhan di lapangan berikutan kejadian yang berlaku. Klinik Kesihatan Pasir Gudang turut dibuka bagi merawat mangsa-mangsa lain yang mungkin terkesan susulan kejadian itu,” katanya di sini semalam.

Noor Hisham turut menasihati orang ramai agar segera mendapatkan rawatan sekiranya mengalami gejala sesak nafas, loya, muntah, pening, sakit kepala, kekejangan otot dan lemah badan. – Bernama

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NEGARA



KERATAN Kosmo! 18 Jun 2019.

Beri Orang Asli lebih nutrisi

SIMPANG PULAI – Kementerian Kesihatan akan bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan dan Jabatan Kemajuan Orang Asli bagi memastikan golongan Orang Asli khususnya, kanak-kanak memperoleh nutrisi zat makanan yang secukupnya.

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr. Lee Boon Chye berkata, selain tahap imunisasi yang rendah, kekurangan nutrisi antara faktor penyebab dan penyebaran penyakit demam campak kalaangan Orang Asli suku Bateq di Kuala Koh, Gua Musang, Kelantan.

“Faktor itu juga memberi risiko yang tinggi kepada individu yang sedang dijangkiti wabak itu. Oleh itu, perhatian khusus perlu diberikan melalui pelaksanaan program pemakanan (terutama di sekolah) yang dibekalkan kepada mereka,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita pada Majlis Hari Terbuka Akademik Perkongsian Amalan Baik dan Jamuan Hari Raya di Sekolah Kebangsaan Pos Raya di sini semalam.

Katanya, kekurangan zat makanan juga menjadikan risiko komplikasi yang tinggi kepada pesakit yang dijangkiti demam campak terutamanya kepada kanak-kanak berusia lima tahun ke bawah, warga emas dan pesakit yang turut menghadapi penyakit lain.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : INSIDEN MURID SESAK NAFAS DI PASIR GUDANG

Kesemua pesakit dilaporkan stabil

KUALA LUMPUR - Kementerian Kesihatan mengesahkan seramai 29 mangsa telah mendapatkan rawatan berikutan masalah sesak nafas di Pasir Gudang, Johor sehingga jam 10 pagi semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah bagaimanapun berkata, keadaan kesemua pesakit stabil dan tiada kematian atau dimasukkan ke unit

rawatan rapi (ICU) akibat kejadian itu.

"Sehingga jam 10 pagi tadi (semalam), terdapat 29 mangsa mendapatkan rawatan melibatkan 21 perempuan dan lapan lelaki.

"Seramai 16 daripada mereka dari Sekolah Agama Taman Mawar melibatkan 14 murid dan dua dewasa, sementara 13 lagi murid dari Sekolah Kebangsaan Pasir Gudang 4," katanya dalam satu kenyataan semalam.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 15

RUANGAN : NASIONAL

Kurang nutrisi tingkat risiko kematian orang asli

IPOH - Kekurangan nutrisi makanan meningkatkan risiko kematian akibat demam campak dalam kalangan orang asli Bateq khususnya kanak-kanak di Kuala Koh, Gua Musang, Kelantan.

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye berkata, walaupun ia bukan punca utama kematian tersebut, usaha berkenaan sedang dipertingkatkan bagi memastikan orang asli mendapat keperluan nutrisi sepatutnya.

"Di Kuala Koh, kadar kematian lebih tinggi berbanding jangkitan biasa kerana keadaan nutrisi sebahagian daripada mereka membimbangkan," katanya selepas merasmikan Hari Terbuka Akademik Perkongsian Amalan Terbaik dan Jamuan Hari Raya di Sekolah Kebangsaan (SK) Pos Raya, Kampung Kepayang di sini semalam.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
 MUKA SURAT : 44
 RUANGAN : DALAM NEGERI

29 dipercayai terhadu udara tercemar

Oleh JUANI MUNIR ABU BAKAR
 pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 21 JUN

SEBANYAK 29 mangsa disahkan sehingga kini telah mendapatkan rawatan susulan mengalami gejala sesak nafas yang dipercayai terhadu udara tercemar di Taman Mawar, Pasir Gudang, Johor, semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah memaklumkan, mereka membabitkan 16 orang daripada Sekolah Agama Taman Mawar termasuk 14 pelajar manakala 13 mangsa lagi daripada pelajar Sekolah Kebangsaan Pasir Gudang.

"Seramai 14 mangsa telah dirawat sebagai pesakit luar dan 15 orang lagi diberi rawatan di Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru di mana enam daripadanya telah dimasukkan ke wad."

"Keadaan kesemua pesakit adalah stabil dan tiada kes dimasukkan ke unit rawatan rapi (ICU) serta tiada kematian



NOOR HISHAM ABDULLAH

dicatatkan berlaku," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Menurut Noor Hisham, Jabatan Kesihatan Negeri Johor semalam telah melaporkan satu kejadian para pelajar sekolah mengalami gejala sesak nafas yang telah berlaku di Sekolah Agama Taman Mawar selepas menerima satu panggilan kecemasan pukul 3 petang.

Katanya, pasukan bantuan kecemasan dari Hospital Sultanah Aminah, Hospital Sultan

Ismail dan Klinik Kesihatan Pasir Gudang telah digerakkan untuk memberi bantuan.

"Operasi bantuan rawatan kecemasan tamat pada pukul 8 malam tadi dan punca kejadian masih belum dapat dikenalpasti," katanya.

Ujar Noor Hisham, Jabatan Kesihatan Negeri Johor masih melakukan pemantauan di lokasi lapangan berikutan kejadian berkenaan oleh itu, orang ramai dinasihatkan mendapatkan rawatan segera di fasiliti kesihatan terdekat sekiranya mengalami gejala sesak nafas, loya, muntah, pening, sakit kepala, kekejangan otot dan lemah badan.

"Klinik Kesihatan Pasir Gudang turut dibuka pada pagi ini bagi menerima dan merawat lain-lain mangsa yang mungkin terkesan susulan daripada kejadian berkenaan.

"Kementerian Kesihatan bekerjasama dengan kementerian dan agensi berkaitan dalam menguruskan kejadian ini. Sebarang perkembangan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa," katanya.

Dipercayai terhadu udara tercemar

15 termasuk murid dikejar ke hospital

Oleh MOHD. KHAIRUL MOHD. ALI
 pengarang@utusan.com.my

■ PASIR GUDANG 20 JUN

SERAMAI 15 mangsa terdiri daripada 13 murid dan dua kakitangan sekolah dikejar ke Hospital Sultan Ismail (HSI) Johor Bahru selepas dijanji menjadi mangsa pencemaran.



Simptom seakan Sungai Kim Kim –

PUTRAJAYA 20 Jun - Kementerian Kesihatan tidak menolak kemungkinan kejadian sesak nafas dan muntah dialami 15 murid Sekolah Agama Taman Mawar di Pasir Gudang, Johor hari ini adalah simptom yang sama akibat kesan pencemaran Sungai Kim Kim sebelum ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, pihaknya baru dimaklumkan mengenai kejadian berkenaan dan



DZULKEFLY AHMAD